

Headline	Wanita Cameroon gigih lawan virus HIV		
MediaTitle	Kosmo		
Date	01 Aug 2017	Color	Full Color
Section	Kosmo 2	Circulation	197,202
Page No	25	Readership	875,000
Language	Malay	ArticleSize	679 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 17,621
Frequency	Daily	PR Value	RM 52,863



Wanita Cameroon gigih lawan virus HIV

BLANDINE, 28, ibu kepada seorang bayi perempuan duduk di kerusi menunggu giliran untuk ujian virus Human Immunodeficiency Virus (HIV) di Pusat Kesihatan Wanita di ibu negara Cameroon. Ibu muda itu positif virus HIV dan ujian tersebut dilakukan untuk bayinya berusia satu tahun.

Setelah menunggu beberapa minit, Blandine menerima berita gembira bahawa bayinya bebas daripada virus tersebut.

“Syukur keputusan ujian itu negatif dan anak saya dapat membesar dengan sihat seperti kanak-kanak lain.

“Dia dapat memiliki masa hadapan yang lebih cerah dan mengejar cita-citanya,” jelas ibu kepada seorang cahaya mata itu.

Di Cameroon, ramai wanita dijangkiti HIV dan mereka hidup dalam stigma negatif masyarakat serta pasangan masing-masing.

Blandine yang merupakan seorang guru, sedia berkongsi kisah hidupnya tetapi meminta identiti dia dan keluarga dirahsiakan.

“Saya mempunyai kehidupan untuk dibina dan perlu melindungi anak-anak dan keluarga daripada dibelenggu stigma penyakit ini.

“Walaupun terdapat perkembangan positif tetapi stigma masih lagi ada,” ceritanya yang sudah dua tahun disahkan dijangkiti HIV.

Dia tidak pasti bagaimana virus itu ada di dalam badannya sedangkan suami dan anak bebas HIV.

“Saya berterima kasih kepada suami kerana kasih sayangnya memberi kekuatan kepada saya untuk terus menjalani kehidupan.

“Ramai wanita yang dijangkiti HIV telah dibuang oleh suami dan keluarga kemudian hidup terpencil jauh daripada masyarakat,” tuturnya.

Kesetiaan

Sehubungan itu, sesetengah wanita tidak berani mendedahkan keadaan sebenar dan menguruskan penyakit tersebut bersendirian.

Suami atau isteri yang dijangkiti

HIV menghadapi cabaran besar dalam perhubungan mereka terutamanya kebersihan diri dan hubungan seksual.

Pasangan tersebut perlu mengikuti kursus pendidikan seks di hospital dan menerima lawatan berkala daripada pegawai perubatan.

Di hospital mereka diajar cara terbaik untuk melakukan hubungan seks dengan selamat dan paling penting setia kepada pasangan masing-masing.

“Kesetiaan sangat penting untuk dia (suami) mahupun saya kerana kita tidak tahu status HIV orang di luar sana,” terang Blandine.

Virus dalam badan Blandine hampir tidak dapat dikesan kerana mendapat rawatan yang berterusan.

Maka, dia dapat menjalani kehidupan bahagia bersama keluarga sebagaimana pasangan lain dengan dikurniakan anak yang sihat.

“Saya sentiasa berkata pada diri bahawa saya mampu menjadi ibu seperti orang lain dan ia bukan lagi mimpi.

“Saya boleh melahirkannya, menyusukan bayi dan ia merupakan saat yang membahagiakan,” katanya.

Sebaik sahaja dia selamat melahirkan bayinya, anak perempuan Blandine mendapat manfaat daripada rawatan HIV dengan segera.

Ujian HIV pertamanya dilakukan pada usia enam minggu dan menunjukkan bayi itu tidak mempunyai antibodi HIV.

Bayi itu perlu menjalani ujian terakhir pada usia 18 bulan.

Negara Cameroon yang terletak di Teluk Guinea, Afrika mempunyai populasi penduduk seramai 23 juta orang dan sebanyak 5.75 peratus wanita yang mengandung mempunyai HIV pada tahun 2016.

Peratusan itu menjadikan negara tersebut satu daripada 10 negara yang bertanggungjawab untuk 75 peratus jangkitan pediatrik baharu di seluruh dunia.

“Kami melihat kemajuan dalam pencegahan penularan HIV daripada ibu kepada anak,” ujar Pengarah Bahagian HIV dan AIDS Agensi Kanak-Kanak Pertubuhan

Headline	Wanita Cameroon gigih lawan virus HIV		
MediaTitle	Kosmo		
Date	01 Aug 2017	Color	Full Color
Section	Kosmo 2	Circulation	197,202
Page No	25	Readership	875,000
Language	Malay	ArticleSize	679 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 17,621
Frequency	Daily	PR Value	RM 52,863

Bangsa-Bangsa Bersatu di Cameroon, Therese Nduwimana.

Dalam usaha mengurangkan jangkitan tersebut, negara itu telah melancarkan program wanita hamil diberi ujian HIV ketika melakukan pemeriksaan kandungan secara berkala.

Menurut Nduwimana, 79 peratus pesakit yang positif HIV akan mendapatkan rawatan segera dan anak-anak mereka turut sama diberi rawatan sebaik sahaja dilahirkan.

Namun, 17 peratus wanita tidak melakukan pemeriksaan dalam tempoh kehamilan itu dan 12 peratus lagi enggan melakukan ujian.

Cameroon telah melakukan pelaburan besar dalam ujian HIV yang kini kian berkembang pesat.

Apabila Blandine melakukan ujian HIV kepada anaknya ketika usia enam bulan. Hari-hari yang dilaluinya sangat menyeksakan.

"Berminggu-minggu, saya berasa sangat bersalah kerana melepaskan virus tersebut ke dalam tubuhnya dan dia perlu berjuang seumur hidupnya.

"Saya berharap, pesakit HIV boleh hidup dengan normal dan masyarakat menerima kami secara terbuka," ujarnya. - AFP



SEBANYAK 5.75 peratus wanita mengandung di Cameroon mempunyai HIV.



BAYI daripada ibu yang mempunyai HIV akan dipantau sejak dalam kandungan bagi memastikan dia bebas penyakit itu.